

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

09 MAC 2019

SABTU



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
UTUSAN MALAYSIA	3 PETUGAS PERUBATAN TURUT DI RAWAT	2
UTUSAN MALAYSIA	SUDAH LAMA SUNGAI KIM KIM TERCEMAR	3
HARIAN METRO	CARI SAMPAI DAPAT!	4
HARIAN METRO	HIDU BUSUK TENGAH MALAM	5



UTUSAN MALAYSIA

UTUSAN MALAYSIA • SABTU 09 MAC 2019

DALAM NEGERI 3



Wanita pengsan dipercayai bahan kimia

JOHOR BAHRU 8 Mac - Seorang wanita pengsan dipercayai akibat terhidu bahan kimia di sebuah kolam memancing di Jalan Cermal 2, Taman Kota Melayu, dekat Pasir Gudang, awal hari ini.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Johor, Datuk Yahaya Madis berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada 2.41 pagi yang memaklumkan terdapat bau mencurigakan di kawasan kolam memancing tersebut.

"Wanita berkenaan ditawa ke Hospital Sultan Ismail oleh sebuah ambulans bagi mendapatkan rawatan manakala pasukan Unit Bahan Berbahaya (Hazmat) turut membuat pemantauan di lokasi berkenaan bagi mengenal pasti punca kejadian," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Yahaya berkata, pemeriksaan Hazmat bagaimanapun mendapati bacaan udara di kolam memancing itu tidak menunjukkan pencemaran dan berada pada paras selamat. - BERNAMA

3 petugas perubatan turut dirawat

JOHOR BAHRU 8 Mac - Tiga petugas perubatan antara 39 mangsa yang masih dirawat di Hospital Sultan Ismail (HSI) di sini akibat terhidu gas kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, dekat sini semalam.

Timbalan Pengarah (Perubatan II) HSI, Dr. Surya Marsom berkata, petugas perubatan tersebut merupakan antara pihak yang memberi perkhidmatan di lokasi kejadian.

"Kejadian semalam turut mengakibatkan tiga petugas perubatan ditempatkan ke wad bagi menerima rawatan ekoran terhidu gas kimia.

"Tiga petugas itu masing-

masing merupakan seorang doktor dan jururawat yang dimasukkan ke dalam wad, serta seorang pemandu ambulans yang ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU)," katanya kepada pemberita selepas lawatan kerja Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching di HSI di sini hari ini.

Sementara itu Nie Ching memberitahu, Kementerian Pendidikan mahu individu bertanggungjawab dalam insiden itu diambil tindakan tegas.

Katanya, mereka akan bekerjasama dengan pihak berkuasa termasuk Jabatan Alam Sekitar untuk menyiasat insiden ber-

kenaan kerana membahayakan nyawa orang ramai.

"Perkara ini bukan pertama kali berlaku, bujang tahun lalu sebuah sekolah di Klang, Selangor terpaksa ditutup kerana berlaku kebocoran gas di kilang ais sebelahnya, namun ia tidak seteruq ini.

"Tindakan tegas perlu diambil kerana insiden ini telah membahayakan nyawa," katanya.

"Tambahan beliau, arahan penutupan kedua-dua sekolah itu ketika ini kekal sehingga Sabtu, namun sekiranya keadaan masih belum selamat, penutupan sekolah akan dilanjutkan.



TEO NIE CHING (tengah) bertanya khabar keadaan Harry Martin Ehom semasa melawat mangsa pencemaran bahan kimia di Hospital Sultan Ismail di Johor Bahru, semalam. - UTUSAN/BAZZALAN IBRAHIM

ZULKIFLY KASSIM menunjukkan kesan sisa bahan buangan berjadual yang mencemarkan Sungai Kim Kim di Kampung Bukit Patah, Pasir Gudang, Johor, semalam. - UTUSAN/NUR AISYAH MAZALAN

Kerajaan negeri tubuh jawatankuasa siasatan

PONTIAN 8 Mac - Satu Mesyuarat Jawatankuasa Bencana Alam berkaitan isu pencemaran Sungai Kim Kim disebabkan pembuangan sisa kimia semalam akan diadakan malam ini.

Pengerusi jawatankuasa kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr. Sharuddin Jamal berkata, mesyuarat akan diadakan bersama-sama Pegawai Daerah Johor Bahru serta agensi berkaitan.

Katanya, mesyuarat tersebut bertujuan mengambil tindakan susulan ekoran kejadian tersebut.

"Perlu ada langkah dan tindakan susulan daripada jabatan dan agensi berkaitan bagi sama-sama menyelesaikan masalah ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengiringi Menteri Pertanian, Datuk Salehuddin Ayub melepaskan benih ketam rejujng di Parit Pengulu, Serkat di sini hari ini.

"Perlu ada langkah dan tindakan susulan daripada jabatan dan agensi berkaitan bagi sama-sama menyelesaikan masalah ini."

DR. SHARUDDIN JAMAL



Semalam, dua buah sekolah di Pasir Puteh, Pasir Gudang membahayakan kira-kira 1,600 pelajar terpaksa ditutup ekoran terhidu bahan kimia yang dipercayai dibuang secara haram di Sungai Kim Kim kira-kira 500 meter dari dua sekolah berkenaan.

Sehingga hari ini, seramai 39 mangsa masih mendapatkan rawatan di Hospital Sultan Is-

mail (HSI), di Johor Bahru termasuk empat yang ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU).

Dr. Sharuddin berkata, secara keseluruhan 48 mangsa terhidu sisa toksik termasuk seorang pemancing di kolam berdekatan sekolah tersebut.

"Setakat ini beberapa orang masih menerima rawatan di unit rawatan rapi (ICU) manakala selebihnya pesakit luar," jelasnya.

Bau busuk disangka penyaman udara bocor

JOHOR BAHRU 8 Mac - Bau bahan kimia yang mencemari Sungai Kim Kim, Pasir Gudang dekat sini semalam disangka kebocoran gas penyaman udara dari tong gas memasak.

Seorang suri rumah, **Echa Paoh, 42**, berkata, dia terjeraga daripada tidur pada pukul 2 pagi, sebelum terhidu bau kuat seperti tayar terbakar, diesel dan petrol.

Tambahnya, pada mulanya dia menyangka gas penyaman udara bocor sebelum memutuskan dan kembali tidur.

"Saya terjeraga daripada tidur sekali lagi pada pukul 3 pagi dan bau tersebut masih kuat jadi saya memeriksa tong gas memasak pula.

"Ketika itu kerongkong saya berasa sakit, gatal dan batuk sehingga menyuruhkan saya untuk kembali tidur," ka-

tanya ketika ditemui di Hospital Sultan Ismail (HSI) di sini semasa menemani anaknya, Harry Martin Ehom, 17, yang mendapatkan rawatan di hospital tersebut.

Anak Echa antara 39 mangsa yang masih mendapatkan rawatan di HSI selepas terhidu bahan kimia dipercayai dibuang secara haram di Sungai Kim Kim, semalam.

Seorang lagi mangsa, **Intisar Nazihah Mohd. Nazri, 16**, memberitahu, dia merasa mual selepas pulang dari sekolah.

"Semasa di sekolah, saya berasa pening, setelah pulang ke rumah barulah rasa mual seperti mahu muntah.

"Ibu kemudian membawa saya ke hospital untuk menapis air. Rawatan: kira-kira pukul 9.30 malam sebedun dimasukkan ke wad," ujarnya.



UTUSAN MALAYSIA

2

PUSKAS RAM 00

UTUSAN MALAYSIA • SABTU 9 MAC 2019

Oleh **MOHAMAD FAIZAL HASHIM**

pengarang@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 8 MAC

PENDUDUK Kampung Bukit Pulai, Pasir Gudang dekat sini sudah lali dengan kesan pencemaran di Sungai Kim Kim beberapa tahun yang lalu namun pembuangan sisa kimia pada malam kelmarin adalah yang terburuk.

Menurut Zulkify Kassim, kesan pembuangan sisa kimia ke dalam sungai itu menyebabkan berlakunya pencemaran udara dipercayai gas metana hingga menjejaskan 200 penduduk di kampung dengan bau busuk dan air yang kotor.

Katanya, keadaan mereka lebih terjejas berbanding kampung lain kerana berada 300 meter daripada tempat sisa kimia dibuang dipercayai oleh sebuah lori tangki berhampiran kawasan pembinaan jambatan di sungai tersebut.

“Boleh dikatakan hampir setiap minggu air sungai ini bertukar menjadi kekuningan dan hitam. Cuma pencemaran kali ini jauh lebih teruk kerana mengeluarkan bau busuk yang kuat hingga terasa pening, loya dan muntah-muntah.

“Walaupun sudah dua hari berlalu, bau busuk itu masih ada setelah sisa kimia yang dibuang ke dalam sungai melekat di tebing,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Semalam, seramai 1,400 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Putih dan Sekolah Kebangsaan (SK) Pasir Putih, diarah mengosongkan



Sudah lama Sungai Kim Kim tercemar

'Kami sudah lali'

kawasan sekolah kerana terdapat pelajar mengalami sesak nafas, muntah dan pengsan selepas terhidu gas dipercayai dari bahan kimia yang dibuang ke dalam Sungai Kim Kim.

Setakat ini, seramai 39 mangsa termasuk 21 pelajar SMK Pasir Putih dan SK Pasir Putih serta orang awam sedang dirawat di Hospital Sultan Ismail selepas terhidu gas tersebut.

Zulkify berkata, sungai yang

berada kira-kira 50 meter dari rumahnya itu dahulu mempunyai banyak hidupan air seperti ketam, udang dan ikan sebelum dicemari oleh pihak tidak bertanggungjawab.

“Sejak menetap di sini pada 2004, air sungai ini jernih dan mempunyai banyak hidupan air dan menjadi punca pencarian pemancing di sini. Bagaimanapun, sejak kawasan perindustrian mula membangun di ka-



HARIAN METRO

Harian Metro

9 MAR 2019

PORTAL BERITA PILIHAN NO.1

HARI INI

PAMERAN HARTANAH

myrumah

7 - 10 Mac 2019
MyTOWN Shopping Centre,
Cheras, Kuala Lumpur
10 pg - 10 min

PP/7273/03/2013 [032008]
RM 1.50

EDISI NASIONAL
SABTU 9 MAC 2019 / 2 REJAB 1440

CARI SAMPAI DAPAT!

JAS mula jejak kilang puang sisa bahan kimia

TAMAN PASIR PUTIH

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DAN SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN PASIR PUTIH

SUNGAI KIM KIM

Minyak mencuci kapal dikenal pasti sebagai punca penghasilan gas metana di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang yang hingga kini menyebabkan 36 dirawat termasuk enam di Unit Rawatan Rapi. Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor mengesan 30 kilang menghasilkan sisa kimia di kawasan berkenaan dan menjanjikan tindakan tegas kepada yang bertanggungjawab.

lapor Izlaily Nurul Ain Hussein

BAYU BERACUN


> 10, 11 & 12



HARIAN METRO

12 setempat

09-03-2019



Sisa bahan kimia yang masih berakumulasi di sungai belakang rumah penduduk Kampung Bukit Pulai.

izalzy Nurul Ain Hussein
izalzy@metro.com.my

Johor Bahru

Seminggu sekali, air sungai ini pasti bertukar warna (kesan pencemaran). Penduduk sudah lali dengan bau busuk. Tetapi pencemaran kali ini (pembuangan sisa metana) paling teruk," kata Zulkifly Kassim, 50.

Di adalah penduduk Kampung Bukit Pulai, Pasir Gudang di sini, yang terjejas berikutan kampung berkenaan lokasi pertama dilalui aliran air Sungai Kim Kim yang menuju ke laut.

Bapa kepada lima cahaya mata itu berkata, memberi kesan pencemaran berikutan industri perindustrian menyebabkan hidupan di sungai itu pupus.

Katanya, lebih 200 penduduk di kampung berkenaan yang terkesan dengan insiden itu dan rata-rata mereka tidak dapat tidur lena pada malam hari kejadian.

"Kami syak mereka (sekalu) bang (sisa kimia) dalam jam 11.30 malam baru

lalu, berikutan penduduk sudah mula menghidu bau busuk, pencemaran kimia sekitar jam 12 tengah malam hingga 1 pagi kelmarin.

"Kami ada pergi melihat lokasi kejadian pembuangan sisa kimia itu pagi semalam (kelmarin) sebelum menemeni kesan tayar di lokasi jambatan dalam pembinaan itu," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian.

Katanya, air sungai di kawasan itu juga sudah mulai hitam, menyebabkan penduduk kampung menghibung polis sebelum bomba turut dimaklumkan.

"Selepas siasatan dilakukan pihak bomba, baru lah kami tahu bahan yang dibuang itu menghasilakan gas beracun sekali-gas memberi kesan buruk pada kesihatan penduduk kampung," katanya.

Di turut membuat laporan polis di Balai Polis Taman Pasir Putih, semalam, berikutan tiada tanggapan dibuat ke atas pelaku yang bertanggungjawab itu.

Sebagai wakil penduduk, pemilik bengkel itu berharap pihak berwajib dapat mendalami dan mearahkan siasatan berkenaan.



ZULKIFLY menunjukkan sisa bahan kimia yang masih bertakung dan menghasilkan bau di sungai belakang rumahnya.

HIDU BUSUK TENGAH MALAM

200 penduduk tercium bau jam 12 tengah malam di Kampung Bukit Pulai tak lena tidur

"Penduduk sangat berharap orang yang tidak bertanggungjawab yang membuang bahan kimia ini dapat dikesan dan ditahan," katanya. Seorang lagi penduduk

kampung, Mohd Zaki Htiam, 50, berkata, keadaan sungai di belakang rumahnya itu beransur pulih, namun masih terlapat bau menyucuk hidung. Kata guru itu, dia juga me-

nghadkan anak-anaknya di luar rumah. "Ketika keadaan menjadi serius kelmarin, saya dan ahli keluarga terpaksa menumpang di rumah saudara

berikutan bimbang ancaman gas beracun itu. "Walaupun sudah pulang ke rumah, saya masih menasihati anak-anak untuk tidak bermain di luar," katanya.

Kualiti udara beransur pulih



ALAT bacaan paras udara menunjukkan angka sifar.

penduduk berusaha melindungi diri dengan memakai topeng ketika berada di luar rumah mahupun ketika berada di lokasi kejadian. Penduduk dilatih memakai topeng penutup hidung kerana bimbang terhidu bau kimia dari sungai itu.

Tinjauan mendapati kesan bahan kimia masih bertakung dan melekat di tebing sungai berhampiran sungai di Kampung Bukit Pulai, Pasir Gudang yang terletak kira-kira 300 meter dari lokasi kejadian.

Air sungai yang mengalir juga turut menampakkan tumpukan hitam dipercepat minyak atau sisa bahan kimia terbabat.

Pesukan bomba dan Penyelamat Pasir Gudang dan Pasukan Khas Pengurusan Bahan Berbahaya (HAZMAT) bomba juga sudah tidak berada di lokasi kejadian memandangkan operasi dimatikan pada jam 8.30 malam kelmarin.

Bagaimanapun, pihak bomba berada dalam keadaan bersetap sedia sekiranya ada panggilan susulan daripada penduduk setempat berikutan kes bahan kimia itu.

Wartawan Harian Metro yang meninjau lokasi tempat pembuangan sisa bahan kimia di sungai itu mendapati beberapa pegawai dari JAS, Pejabat Tanah dan Galian (PTG) serta Maxis Perkhidmatan Pasir Gudang (MPPG) mengadakan pemantauan.

Juruteknik dilatih berada di lokasi pembuangan bahan kimia untuk mengambil bacaan paras udara bagi menentukan kehadiran gas metana di kawasan itu.

Alat bacaan paras udara itu dilatih memaparkan angka sifar sekali-gas menunjukkan tiada lagi kehadiran gas metana dan udara terdapat dalam keadaan selamat.

Tinjauan ke kampung berhampiran juga mendapati

